



AMAT Jutrah Musnih (lima dari kanan) menyerahkan kain rentang tanda sokongan kepada Machdi Wisma Jaya (empat dari kiri) di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Machdi wakili UMS ke Ekspedisi Everest bermula sejak 10 Julai lalu

Um 13/7/2011 26

KOTA KINABALU 12 Julai - Ahli Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas), Machdi Wisma Jaya terpilih menyertai ekspedisi ke Everest Base Camp (EBC), Nepal pada 10 hingga 28 Julai ini.

Beliau yang juga seorang pemandu di Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), akan menyertai ekspedisi Everest bersama Kelab Eksplorasi & Benua Malaysia (KE7B).

Pemilihan Machdi sebagai wakil tunggal dari UMS dan Sabah yang menyertai ekspedisi itu berdasarkan penyertaan aktif beliau bersama kelab tersebut di Gunung Kinabalu.

Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Musnih berkata, penyertaan Machdi

dalam ekspedisi itu merupakan kejayaan UMS dan kesatuan itu.

"Kekaumas mengucapkan syabas dan tahniah di atas pemilihan beliau sebagai wakil tunggal negeri Sabah dan UMS sekali gus telah mengharumkan nama negara di pe-

ringkat antarabangsa," katanya.

Amat Jutrah berkata, penyertaan ahli kesatuan itu dalam ekspedisi berkenaan mampu membawa impak positif kepada ahli kesatuan dan kakitangan UMS agar bergiat aktif dalam bidang diminati.